

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan
DARIPADA : Ir. Shahrudin bin Ismail [Kangar]
TARIKH : 18 Jun 2014 (Rabu)
SOALAN : Ir. Shahrudin bin Ismail [Kangar] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mengaktifkan semula Projek Bumi Hijau bagi mengatasi masalah kenaikan harga barang keperluan yang semakin meruncing dan sekaligus memberi alternatif kepada pengguna bagi mengurangkan perbelanjaan harian.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah memperkenalkan Program Jom Bertani bagi menggantikan Program Bumi Hijau yang telah dilaksanakan pada tahun 2006.

Program Jom Bertani ini mempunyai tiga komponen iaitu tanaman, ternakan dan akuakultur. Program ini merupakan program sosio-ekonomi yang dirancang khusus untuk meningkatkan bekalan makanan, mengurangkan kos perbelanjaan untuk makanan seterusnya kos sara hidup. Ia juga diharap akan dapat menyumbang kepada pengurangan import bahan makanan dan seterusnya mengurangkan defisit imbalan negara dalam sektor makanan menjelang tahun 2020.

Program ini telah dilancarkan pada 12 Jun 2014. Program ini akan dilaksanakan mengikut 3 fasa iaitu Fasa Pertama melibatkan tanaman (bermula Jun 2014), fasa kedua melibatkan ternakan (Ogos 2014) dan fasa ketiga melibatkan akuakultur (Oktober 2014).